

## ELEMEN REALISME MAGIS DALAM NOVEL 9 NYAWA KARYA RAMLEE AWANG MURSHID

MARYAM NABILAH ALIAS  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
maryamnabilahalias@gmail.com

MAS RYNNA WATI AHMAD\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
masrynna@ukm.edu.my

\* Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Realisme magis bukanlah kajian yang baharu dalam dunia kesusasteraan. Perkembangannya bermula pada tahun 1949 melalui karya Amerika-Latin, kemudian disusuli beberapa proses adaptasi oleh penulis negara lain agar penulisan mereka sesuai dengan gaya hidup masyarakat +tempatan. Begitu juga dengan Ramlee Awang Murshid, seorang novelis Malaysia yang terkenal dengan kecenderungannya dalam mengaplikasikan unsur realisme magis dalam karya beliau. Namun begitu, timbul persoalan tentang perincian dan tahap penggunaan unsur tersebut di dalam penulisannya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kewujudan elemen realisme magis dalam novel *9 Nyawa* karya Ramlee Awang Murshid berdasarkan elemen-elemen yang diusulkan oleh Wendy B. Faris dalam Teori Realisme Magis. Sejajar dengan itu, kajian ini turut melihat kesesuaian gandingan realisme dan magis dalam karya penulis tempatan dan keseiringannya dengan gaya hidup masyarakat. Kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif dengan penggunaan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Teori yang menjadi asas penganalisisan data ialah Teori Realisme Magis oleh Wendy B. Faris (2004) berdasarkan bukunya *Ordinary Enchantments: Magical Realism and the Remystification of Narrative*. Makalah ini dapat menyimpulkan bahawa novel *9 Nyawa* berjaya membuktikan keseiringan antara unsur realisme dan magis serta memenuhi kelima-lima elemen realisme magis Wendy B. Faris. Namun terdapat tiga elemen yang mendominasi plot penceritaan iaitu, “elemen yang tidak boleh dijelaskan”, “elemen dunia fenomena” dan “elemen alam yang bergabung”. Hasil analisis juga membuktikan bahawa berlaku keseiringan antara unsur realisme dan magis dalam karya beliau serta setiap isu yang diketengahkan sememangnya mewakili gaya hidup masyarakat Melayu.

**Kata kunci:** novel, Ramlee Awang Murshid, realisme magis, Wendy B. Faris, *9 Nyawa*.

### THE ELEMENTS OF MAGICAL REALISM IN *9 LIVES (9 NYAWA)* BY RAMLEE AWANG MURSHID

### ABSTRACT

Magical realism is not a new study as the origins could be traced back since 1949 through Latin American fictions. Later the style was adopted by other writers widely in which it was adapted in many ways to suit the socio-cultural of the subjects addressed. Ramlee Awang Murshid, a

Malaysian novelist tend to apply similar style in most of his works. However, the details of the applications and levels of his adaptations of magical realism in his works has raised a special attention. This paper intends to identify and analyse the element of this style in the novel *9 Lives* based on Wendy B. Faris in her book (2004) *Ordinary Enchantments: Magical Realism and the Remystification of Narrative*. Not only that, this study will highlight the applications of the coined term of magic and realism whether or not it befits the local color in the novel. The methods conducted for this research would be on qualitative approach that highly emphasized on text-based analysis and library research. The research has found that all the five elements proposed by Wendy B. Faris were all evidently appeared in the novel. However, there are three elements that dominate the plot which “Irreducible elements”, “Phenomenal World” and “Merging Realms”. The analysis had proven that the writer had successfully manipulated the coined term magic and realism that fit the local settings following the typical lifestyles of the Malays generally.

**Keywords:** magical realism, novel, Ramlee Awang Murshid, Wendy B. Faris, *9 Lives*.

## PENGENALAN

Sastera merupakan suatu bidang yang melengkapi sistem pendidikan dan kehidupan masyarakat secara menyeluruh. Peranan sastera mampu menyeimbangkan bidang-bidang atau fahaman-fahaman lain dalam mengembangkan kepesatan ilmu pengetahuan. Menurut Md Hasri B Rajali (2012), kesusasteraan merupakan suatu bidang yang tidak akan hilang dek zaman dan tetap mekar dalam jiwa masyarakat. Sastera seringkali disinonimkan dengan buku berhalaman tebal seperti karya-karya lama, karya agung dan karya klasik namun hakikatnya cakupan sastera amat besar seperti penulisan novel, sajak, puisi, syair dan cerpen. Kini, seiring dengan kecanggihan teknologi serta perubahan gaya hidup dan pemikiran, masyarakat lebih terbuka dalam melihat dunia sastera. Perubahan ini sangat ketara dengan kemunculan penulisan novel-novel moden dengan tema yangmenepati dan menarik cita rasa pembaca. Antara bentuk keterbukaan dan kelainan dalam novel yang menjadi pilihan pembaca kini adalah gandingan unsur realiti dan magis. Secara tidak langsung, keterbukaan dan kekreatifan dalam berkarya ini membawa kepada suatu anjakan dalam bidang kritikan sastera. Hashim Awang (1987) menjelaskan bahawa kritikan sastera adalah suatuusaha mempertimbang dan menilai karya sastera secara sistematik dan jujur. Perkara ini dilihat sebagai salah satu peluang untuk meletakkan realisme magis pada suatu tangga yang lebih baik, tentunya melalui penilaian yang membina.

Realisme magis sememangnya sudah wujud sejak zaman penulisan hikayat-hikayat lama lagi melalui kisah mitos, legenda dan cerita lisan. Meskipun begitu, penulisan novel moden lebih memberi impak dalam membantu kajian tempatan kerana situasi magis yang ditampilkan, hakikatnya berlaku dalam kitaran kehidupan manusia. Hal ini juga boleh dikaitkan dengan pengaruh kepengarangan penulis itu sendiri dalam melihat unsur ini berdasarkan pengalaman dan pengamatannya terhadap persekitaran. Selain itu, menurut Mas Rynna Wati Ahmad, novel-novel moden juga lebih terbuka dalam pempararan kepelbagaian perspektif realisme magis dengan penyentuhan dari sudut keagamaan, kepercayaan serta amalan dan tradisi masyarakat moden (2017). Kepelbagaiannya ini dilihat menerusi pengetengahan keunikian tema penceritaan oleh penulis-penulis di Malaysia. Jika ditelusuri cara penulisan Ramlee Awang Murshid (RAM), beliau cuba menampilkan elemen realisme magis dengan kaca mata yang berbeza. Hal ini dapat dilihat melalui karyanya yang mengetengahkan tema unik seperti mitos binatang dan fantasi makhluk asing. Kelainan yang dibawa oleh beliau membuka ruang kepada pengkaji untuk

memvariasikan hasil dapatan dan mendorong perbincangan yang lebih terbuka berkaitan realisme magis ini.

Rika Patikasari (2018) menyatakan bahawa istilah magis itu sendiri memberi aura “misteri kehidupan” dan magis merujuk kepada semua perkara berbentuk luar biasa yang tidak mampu digapai oleh manusia manupun secara logik saintifik. Pada masa ini, tiada lagi pemisah antara fantasi dan realiti. Fantasi tidak lagi diertikan sebagai ajaib tetapi ditanggapi sebagai perkara biasa dan telah menjadi sebahagian daripada realiti kehidupan manusia (Iman Danial Hakim, 2018). Maka, tidak hairanlah jika penulis-penulis tempatan semakin terbuka dalam menonjolkan unsur realisme magis melalui karya mereka. Hal ini kerana, tiada lagi halangan untuk mereka bagi memperluas elemen ini kerana realiti, magis dan kehidupan masyarakat dianggap sudah sebat. Kesebatian ini juga secara tidak langsung masyarakat juga lebih mudah untuk menerima kehadiran unsur realisme magis ini dalam plot cerita sesebuah novel. Konklusinya, dapat disimpulkan bahawa sambutan pembaca terhadap realisme magis adalah sesuatu yang sangatbaik dan langkah memperluas pendedahan tentang realisme magis melalui penyelidikan juga merupakan suatu bentuk sokongan yang besar dalam mengembangkan bidang ini.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidikan ilmiah dijalankan semestinya bertujuan mengupas sesuatu yang baru dan terkini sekaligus mengisi kelompongan yang terdapat dalam kajian-kajian sebelumnya. Kelompongan tersebut kebiasaannya dinilai dari pelbagai sudut khususnya berkaitan penggunaan teori atau bahankajian. Berdasarkan pembacaan dan penelitian yang dilaksanakan terhadap kajian-kajian lepas, dua permasalahan dapat dikemukakan. Pertama, novel karya Ramlee Awang Murshid (RAM), khususnya novel *9 Nyawa* belum pernah dinilai berpandukan unsur realisme magis. Meskipun RAM dikenali sebagai penulis yang kreatif dalam memuatkan unsur fantasi dan ajaib, namun masih tiada kajian khusus dalam melihat perincian dan tahap penggunaan realisme magis dalam karya penulisan beliau. Elemen realisme magis yang cuba dibawa oleh beliau perlu dinilai sewajarnya dengan menggunakan teori atau pendekatan yang berkaitan secara sistematik. Kelompongani ini dikuatkan lagi dengan kewujudan kajian-kajian lain terhadap karya beliau tetapi berdasarkan fokus yang berbeza antaranya elemen latar dalam novel, isu-isu alam sekitar, unsur eufemisme dan pengaruh dakwah terhadap pembaca novel RAM. Rentetan daripada penemuan kajian-kajian tersebut, maka wajar karya RAM dibahaskan melalui pandangan realisme magis pula.

Kedua, permasalahan yang dapat dibangkitkan daripada hasil kajian-kajian lepas ialah pengaplikasian realisme magis sebagai tonggak analisis kritikan sastera di Malaysia masih belumluas. Isu ini jelas diperlihatkan dengan perbandingan penemuan kajian realisme magis terhadappelbagai bentuk sastera di Malaysia dan negara serantau, iaitu Indonesia. Berdasarkan pembacaan yang dijalankan, terdapat dua buah kajian penyelidik Malaysia yang telah mengupas realisme magis dalam sastera dengan lebih terperinci. Kedua-dua buah kajian tersebut dilaksanakan oleh pengkaji yang sama, iaitu Asmiaty Amat & Roziah Adama, namun fokus elemen realismemagisnya berbeza. Kajian pertama ialah pada tahun 2018 dengan tajuk kajian “Elemen Realisme Magis yang Tidak Dapat Dijelaskan (The Irreducible Element) dalam *Kumpulan Cerpen Laron* oleh Jasni Matlani” manakala kajian kedua pula ialah “Dunia Hampir Bergabung dalam *Kumpulan Cerpen Laron* oleh Jasni Matlani: Satu Bacaan Realisme Magis”, pada tahun 2021. Kedua-dua kajian Malaysia ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan akan jurang jumlah kajian realisme magis antara negara Malaysia dan Indonesia. Pembacaan terhadap kajian lepas menunjukkan Indonesia telah menerbitkan 15 kajian realisme magis terhadap karya sastera noveldan cerpen manakala Malaysia mempunyai dua kajian, khusus terhadap sastera dan kedua-duanya mengkaji bahan bertajuk *Kumpulan Cerpen Laron* oleh Jasni

Matlani. Jelas bahawa jumlah kajian realisme magis antara kedua-dua buah negara ini mempunyai jurang yang sangat besar sedangkan hasil pembacaan menunjukkan perspektif pengkaji-pengkaji Indonesia terhadap unsur realisme magis dalam sebuah novel adalah lebih kurang sama dengan pandangan pengkaji Malaysia, namun Malaysia masih ketinggalan jauh dari segi peningkatan jumlah penyelidikan unsur tersebut.

Kelompangan-kelompangan yang dikemukakan akan ditambah baik oleh kajian ini dengan berpandukan tiga objektif utama. Pertama, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sama ada wujud elemen realisme magis dalam novel *9 Nyawa* karya Ramlee Awang Murshid. Kedua, kajian akan menganalisis novel *9 Nyawa* berlandaskan elemen-elemen realisme magis yang diusulkan oleh Wendy B. Faris dalam teorinya, Teori Realisme Magis. Ketiga, kajian ini juga dilaksanakan bagi membuktikan kesesuaian gandingan realisme, magis dan sosial masyarakat dalam penulisan novel oleh Ramlee Awang Murshid.

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi memenuhi tujuan kajian, makalah ini akan menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah kepustakaan membantu pengkaji dalam mencari sumber-sumber berkaitan fokus kajian seperti sorotan literatur realisme magis, jurnal kritikan sastera, buku perihal realisme magis dan maklumat tambahan daripada laman dan akhbar atas talian. Kaedah analisis teks pula dijalankan bagi mengeluarkan data-data penting yang terdapat dalam bahan kajian, iaitu novel *9 Nyawa* karya Ramlee Awang Murshid sebelum dibahaskan pada bahagian penganalisisan data. Kemudian, Teori Realisme Magis oleh Wendy B. Faris dalam bukunya *Ordinary Enchantments: Magical Realism and the Remystification of Narrative* diaplikasikan sebagai landasan perbincangan. Teori ini terdiri daripada lima elemen, iaitu elemen yang tidak boleh dijelaskan, dunia fenomena, elemen yang diragui, alam yang bergabung serta gangguan waktu, ruang dan identiti. Kesemua elemen ini seterusnya dianalisis bersama bahayang telah difokuskan, iaitu novel *9 Nyawa* terbitan Grup Buku Karangkraf pada tahun 2019, cetakan ke-10. Perincian perihal teori kajian, bahan kajian dan justifikasi pemilihan dijelaskan dalam bahagian yang berikutnya.

### Teori Kajian

Istilah ‘realisme magis’ mula diperkenalkan oleh Franz Roh, iaitu seorang pengkritik lukisan yang berbangsa Jerman pada tahun 1925. Beliau mengupas soal ‘magis realism’ atau ‘magical realism’ dalam bukunya yang bertajuk *After Expressionism: Magis Realism: Problem of the Newest European Painting*. Istilah yang digunakannya adalah untuk merujuk kepada unsur magis yang terkandung dalam objek realiti kehidupan manusia. Kemudian, konsep realisme magis mendapat perhatian penulis-penulis Eropah dan hakikatnya mereka memperoleh inspirasi ini daripada penulisan buku Franz Roh yang telah diterjemahkan dalam bahasa Spain dan Amerika-Latin. Sejak dengan kekuatan unsur magis dalam tradisi kalangan masyarakat Amerika-Selatan, penerimaan akan realisme magis menjadi lebih mudah. Hal ini dikuatkan lagi dengan kemunculan penulis-penulis yang menerapkan realisme magis dalam karya mereka antaranya Alejo Carpentier, Gabriel Garcia Marquez dan Jorge Luis Borges. Kesasteraan Amerika-Latin semakin terkenal dengan penggabungan realisme magis dalam hasil-hasil penulisan mereka.

Seiring dengan perkembangan penulisan sastera peringkat global, pandangan terhadap realisme magis turut mengalami perubahan sama ada berpunca daripada kritikan atau penambah baikan pencetus-pencetus lain. Hal ini dilihat dalam buku berjudul *Magic(al) Realism* oleh Ann Bowers pada tahun 2004. Beliau memperincikan konsep realisme dan magis, iaitu realisme dalam karya digunakan untuk menunjukkan perkara-perkara yang nyata di dalam

dunia manakala magis merupakan perkara luar biasa yang melibatkan kerohanian dan sukar dibuktikan secara saintifik. Jika sebelum ini realisme magis sering dikaitkan dengan seni lukis, namun beliau memfokuskan kepada karya penulisan. Seterusnya, realisme magis dalam sastera dikukuhkan lagi dengan pecahan elemen tertentu yang diketengahkan oleh Wendy B. Faris dalam bukunya *Ordinary Enchantments: Magical Realism and the Remystification of Narrative*. Beliau mengategorikan realisme magis kepada lima elemen, iaitu elemen yang tidak dapat dijelaskan, dunia fenomena, elemen yang diragui, alam yang bergabung serta gangguan waktu, ruang dan identiti.

### **Elemen yang tidak boleh dijelaskan (*Irreducible Element*)**

Elemen ini merujuk kepada sesuatu yang tidak dapat dijelaskan mengikut hukum logik akal seperti yang telah disepakati oleh sekelompok pemikiran manusia yang normal dan waras. Elemen yang tidak boleh dijelaskan ini seolah-olah tersasar daripada konsep “logik, pengetahuan umum manusia atau kepercayaan yang diwarisi turun-temurun”. Misalnya, majoriti masyarakat Melayu tidak percaya akan kewujudan kapal angkasa makhluk asing kerana berdasarkan logik serta kebiasaan turun-temurun, objek tersebut adalah mustahil untuk wujud. Berbeza pula dengan sekelompok manusia lain di Barat yang lebih mempercayai kapal angkasa makhluk asing berbanding kewujudan ‘orang bunian’. Hal ini kerana berlakunya perbezaan kepercayaan dan penceritaan turun-temurun. Elemen yang tidak dapat dijelaskan ini juga bergantung kepada pemikiran golongan masyarakat itu sendiri. Elemen ini boleh dikenal pasti melalui suara magis, benda magis, suasana magis, tokoh magis serta peristiwa magis yang ditampilkan secara nyata dalam cerita. Contohnya, suara binatang, pintu peralihan masa, pahlawan yang mempunyai kuasasakti dan sebagainya.

### **Dunia fenomena (*Phenomenal World*)**

Realisme magis merupakan suatu gabungan antara realiti dan magis. Namun begitu, kewujudan elemen dunia fenomena ini bertujuan untuk menegaskan keseimbangan antara unsur realiti dan magis. Elemen dunia fenomena diketengahkan bagi memastikan unsur magis tidak mendominasi sesebuah hasil karya sehingga mengaburi unsur realiti yang cuba disampaikan. Unsur-unsur realiti ini boleh dikategorikan dalam beberapa bentuk seperti penceritaan kisah dan tokoh sejarah, amalan rutin kehidupan masyarakat serta nama-nama tempat yang sememangnya wujud di dunia. Misalnya, sesebuah karya menyentuh perihal kewujudan entiti lembaga ghaib sebagai objek magis tetapi keseiringan unsur realiti seperti amalan ibadah solat, berzikir dan berpuasa menjadi penyeimbang kepada unsur magis tersebut.

### **Elemen yang diragui (*Unsettling Doubt*)**

Elemen yang diragui berlaku apabila muncul keraguan akibat beberapa perkara yang kontradiktif antara perkara nyata dan magis. Situasi ini membuatkan pembaca tidak dapat membezakan sama ada unsur yang terjadi adalah realiti atau magis serta mengganggu tahap kepercayaan dan kewarasan pemikiran yang logik mereka pada ketika itu. Misalnya, seorang wanita sembah serta-merta daripada penyakit kansernya setelah diubati oleh seorang perawat tradisional walhal realiti dari segi perubatan, penyakit kanser tidaklah semudah itu untuk diubati.

### **Alam yang bergabung (*Merging Realms*)**

Elemen ini menjelaskan akan senario dalam sesebuah karya yang memuatkan penggabungan alamnyata dan alam magis. Penggabungan kedua-kedua alam ini adalah untuk mengetengahkan denganjelas akan penggunaan konsep realism magis tersebut. Karya tersebut tidak boleh dianggap sebagai sebuah penulisan yang mengaplikasikan realism magis secara menyeluruh sekiranya salah satu alam tersebut tidak diwujudkan. Antara contoh penggabungan alam realiti dan alam magis adalah alam manusia dan alam bunian serta alam makhluk asing dan alam manusia.

### Gangguan waktu, ruang, dan identiti (*Disruption of Time, Space and Identity*)

Elemen gangguan waktu, ruang dan identiti ini dimaksudkan dengan ketiga-tiga perkara ini tidak selari dengan alam nyata atau secara logik. Gangguan waktu dapat dilihat dengan penceritaan yangmengatakan hantu berkeliaran pada waktu siang sedangkan kebiasaan yang diketahui umum, hantu sinonim dengan waktu malam. Gangguan ruang pula dapat dilihat melalui gambaran ruang magis,iaitu Kuala Lumpur adalah sebuah kota yang terkenal dengan keindahan pantainya namun hakikatnya, Kuala Lumpur tidak mempunyai satu kawasan pun yang berpantai. Seterusnya gangguan identiti berlaku apabila kanak-kanak berusia enam tahun sudah menjadi bomoh kerana mampu mengubati semua penyakit tetapi realitinya kanak-kanak berusia 6 kini masih ada yang belum pandai mengeja. Gangguan-gangguan ini sebenarnya melibatkan unsur magis dan perkara ini yang cuba ditonjolkan oleh pengkaji untuk menambah daya penarik cerita.

### Bahan Kajian

*Novel 9 Nyawa* karya Ramlee Awang Murshid yang diterbitkan pada tahun 2010 ini pernah memenangi Anugerah Buku Negara 2012 (Kategori Novel Remaja). Keunikan pemilihan tema penceritaan beliau akan kepercayaan orang Melayu terhadap sembilan nyawa yang dimiliki oleh kucing membawa kepada sambutan yang hangat daripada para pembaca. Novel ini sudah 10 kali dicetak dan cetakan yang terbaru adalah pada tahun 2019. RAM berjaya keluar daripada takuk selesa dengan menghasilkan tema penceritaan yang luar daripada kebiasaan penulis-penulis lain. Maka, tidak hairanlah jika RAM diberi julukan novelis *thriller* pertama di Malaysia. (JUNHAIRI Alyasa, 2019). Malah, salah satu daripada novelnya, iaitu *Tombiruo* juga pernah diangkat menjadi filem dan mendapat kutipan tiket sehingga RM8 juta (Astro Awani, 2017).

Karya *9 Nyawa* ini mengisahkan tentang insan yang mempunyai keistimewaan luarbiasa anugerah daripada Allah serta kepercayaan manusia terhadap sesuatu mitos yang mampu menidakkannya syariat agama. Intan Suryani merupakan anak tunggal kepada pasangan ahli perniagaan, Sanusi dan Azizah. Mereka sekeluarga terlibat dalam kemalangan yang ngeri dan kemalangan tersebut telah meragut nyawa ayahnya, Sanusi. Sejak peristiwa kemalangan itu, ibunya mempercayai bahawa Intan Suryani mempunyai sembilan nyawa seperti mitos nyawa kucing. Hal ini kerana, Azizah sering kali mendapat petunjuk melalui mimpiinya malah sewaktu kemalangan ngeri itu juga, seekor kucing misteri menghampiri Intan Suryani yang tidak sedarkan diri. Kepercayaan Azizah semakin kuat apabila sudah banyak kali Intan Suryani terselamat daripada peristiwa yang mengancam nyawa. Azizah menjadi paranoid dan mengongkong kehidupan Intan Suryani serta sentiasa mengira bilangan nyawa anaknya yang masih bersisa. Muncul pula watak utama, Hakim seorang lelaki yang menjadi buta selepas terlibat dalam suatu kejadian yang telah membunuh kedua ibu bapanya. Hakim kini bersendirian membesarakan adiknya, Shauqi. Waktu berlalu dan Hakim mendapati dia mempunyai kelebihan mendengar suara orang di ambang kematian, iaitu hidup antara dua alam (koma). Kisah Hakim dan Intan Suryani bermula apabila Intan Suryani koma dan mereka

berhubung melalui keistimewaan luar biasa Hakim. Pertemuan mereka merungkai pelbagai persoalan apabila setiap peristiwa dan kenalan mereka adalah saling berkaitan.

### Justifikasi Pemilihan Bahan dan Teori Kajian

Pemilihan terhadap novel *9 Nyawa* oleh Ramlee Awang Murshid sebagai bahan kajian dilakukan kerana keunikan penceritaannya. Ramlee Awang Murshid membawa suatu kelainan dalam dunianovel dengan pengetahuan tema kucing yang mempunyai sembilan nyawa. Lebih menarik lagi apabila beliau cuba memperlihatkan tentang pengaruh mitos nyawa kucing ini dalam mengubah pandangan dan pegangan hidup seseorang Muslim, iaitu antara pegangan agama (realiti) dan magis (sembilan nyawa kucing). Novel ini secara langsung mengupas isu pegangan manusia yang berbolak-balik demi kepentingan diri sendiri dan keluarga. Selain itu, novel ini berjaya mengambil perhatian pengkaji kerana penggunaan wataknya yang sedikit tetapi cukup untuk memberi impak yang mendalam. Perbezaan agama, personaliti dan gaya hidup dalam watak-watak ini jelas sangat realistik dengan kehidupan masyarakat kini sekaligus membantu mencipta konflik dalam perkembangan plot novel. Semestinya novel ini juga dipilih kerana pengamatan terhadap usahapenulis dalam menggarapkan kedua-dua unsur yang dicari oleh pengkaji, iaitu realisme dan magis.

Beralih kepada faktor pemilihan teori kajian pula, secara sedar atau tidak, penulisan novel kini sedikit sebanyak mencakupi unsur realisme magis. Namun, tema dan plot oleh penulis juga memainkan peranan terhadap elemen realisme magis yang ingin mereka sentuh. Begitu juga dengan penulis Ramlee Awang Murshid. Beliau dikenali sebagai penulis yang kreatif dan sering memasukkan unsur-unsur yang tidak tercapai dek akal logik manusia dalam penulisannya. Oleh yang demikian, Teori Realisme Magis oleh Wendy B. Faris amat bertepatan untuk melihat tahap penggunaan realisme magis dalam novel karya RAM sama ada realisme magis ini diaplikasikan dengan meluas atau sekadar sampingan alur cerita sahaja. Hal ini kerana elemen cakupan teori ini mudah difahami, terperinci dan berstruktur. Seterusnya, teori ini merupakan gagasan daripada pemikiran Barat dan menjadi suatu tanda tanya tentang kepadanan elemennya dalam menganalisis penulisan sastera Melayu. Namun, teori ini tetap menjadi pilihan pengkaji oleh sebab elemen-elemen yang diusulkan oleh Wendy B. Faris bersifat menyeluruh dan mampu diadaptasikan sesuai dengan pelbagai bentuk sastera tempatan maupun luar negara.

### SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Bahagian ini akan membantu pengkaji dalam memastikan penganalisisan data pada bab yang seterusnya lebih terarah dan sistematik. Makalah ini mengecilkan skopnya kepada pemilihan novel *9 Nyawa* sahaja. Ramlee Awang Murshid turut menghasilkan novel-novel realisme magis yang lain antaranya *Tombiruo*, *Ranggau* dan *Semangat Hutan* namun keistimewaan novel *9 Nyawa* ini adalah disebabkan tema utamanya yang unik, iaitu mitos binatang. Kelebihan lain dalam novel ini adalah apabila RAM turut membahaskan isu ketahuhan seseorang umat Islam disebabkan pengaruh elemen magis tersebut. Oleh yang demikian, Novel *9 Nyawa* bukan sahaja membantu pengkaji merungkai elemen realisme magis semata-mata tetapi turut membincangkan pertalian aspek agama dan magis. Seterusnya, batasan dilakukan dari segi pemilihan watak untuk dianalisis. Pengkaji terdorong untuk mengekstrak data daripada dialog dan konteks watak-watak utama sahaja, iaitu Hakim, Intan Suryani dan Puan Azizah. Hal ini kerana, personaliti ketiga-tiga watak ini lebih dekat dengan unsur-unsur realisme magis berbanding watak-watak sampingan lain. Selain itu, Teori Realisme Magis oleh Wendy B. Faris terdiri daripada lima elemen, namun kajian ini akan memfokuskan tiga elemen realisme magis sahaja, iaitu elemen yang tidak dapat dijelaskan, dunia fenomena dan alam yang

bergabung. Hal ini kerana, ketiga-tiga elemen ini lebih menonjol melalui pengetengahan watak-watak utama yang menjadi fokus kajian.

## ANALISIS KAJIAN

Bahagian ini akan menganalisis data yang dikeluarkan oleh pengkaji berdasarkan fokus-fokus yang telah dinyatakan dalam bahagian-bahagian sebelumnya. Setiap data dijelaskan mengikut pengkategorian kelima-lima elemen dalam Teori Realisme Magis oleh Wendy. B Faris.

### Elemen yang Tidak Boleh Dijelaskan

Di situ terlihat susuk tubuh, gelap berkilat bermata merah, menderam-deram seperti seekorharimau yang kelaparan. Bila-bila masa sahaja kelibat itu akan menerkam.

(9 Nyawa, 2019: 124)

Intan Suryani yang sedang lena diulit mimpi tersedar dari tidurnya apabila mendengar suatu suarayang sangat menyeraikan. Suara tersebut terasa sangat dekat dengannya. Apabila mata dibuka, Intan dapat melihat dengan jelas objek yang menakutkan itu. Seolah-olah makhluk ganas itu inginmencederakannya. Intan Suryani kemudian berteriak dan ibunya, Puan Azizah bergegas mendapatkannya. Puan Azizah kehairanan kerana tidak kelihatan apa-apa perkara aneh di sekeliling bilik tidur anaknya itu.

Situasi tersebut memperlihatkan elemen yang tidak boleh dijelaskan dalam bentuk suara dan objek magis. Konteks di atas dikategorikan dalam elemen ini oleh sebab suara dan objek magis tersebut hanya boleh dilihat oleh Intan Suryani namun perkara yang tidak dapat dijelaskan adalahapabila Puan Azizah tidak pula melihat akan mahkluk tersebut. Jika makhluk tersebut berupa realiti, pasti Puan Azizah juga turut mengalami hal yang serupa. Secara logiknya, jika makhluk tersebut benar-benar wujud, tidak mungkin makhluk itu dapat menyelinap masuk ke dalam bilik Intan Suryani yang sentiasa berkunci dan perumahan mereka juga mempunyai kawalan yang ketat. Unsur magis pada objek tersebut dikuatkan lagi kehilangan kelibatnya setelah Intan Suryani menjerit dan Puan Azizah memasuki bilik tersebut.

Tiba-tiba, seekor kucing berbulu kuning keemasan muncul dari jalan lama di luar kawasan lebuh raya itu. Entah dari mana. Tiada seorang pun yang mempedulikan kehadiran binatangjinak itu. Ia menjilat-jilat tapak tangan Intan Suryani. Azizah yang melihat kejadian pelik itu tidak mampu berbuat apa-apa. Wajah Azizah terbentuk kerutan. Dalam keterbatasan pemikirannya kala itu, akalnya tidak terjangkau merungkaikan persoalan tersebut.

(9 Nyawa, 2019: 8)

Azizah terlibat dalam kemalangan bersama anaknya, Intan Suryani dan suaminya, Sanusi.Kemalangan tersebut telah meragut nyawa suaminya dan Intan Suryani dalam keadaan kritikal. Ketika kemalangan tersebut berlaku, Azizah masih dalam keadaan sedar dan melihat kekecohan yang terjadi demi menyelamatkan anaknya. Namun, Azizah terkaku apabila melihat kemunculan seekor kucing berwarna keemasan di samping anaknya. Kucing tersebut seolah-olah tidak takut dengan kehadiran manusia yang ramai itu dan hanya fokus pada Intan Suryani.

Kucing berwarna keemasan yang disebut dalam petikan di atas dikategorikan sebagai elemen yang tidak boleh dijelaskan dalam bentuk objek magis. Hal ini dijelaskan melalui kekeliruan yang dialami oleh watak Azizah itu sendiri. Kemunculan kucing ini menimbulkan tandatanya apabila mengikut hukum logik akal manusia, tidak mungkin kucing tersebut tidak dihalau oleh mana-mana manusia yang berada disitu kerana dianggap mengganggu proses menyelamatkanIntan Suryani. Kucing tersebut dibiarkan sahaja menjilat tangan Intan Suryani

dan situasi ini turut tidak dapat dijelaskan apabila kucing ini langsung tidak takut dengan kehadiran manusia sedangkan sifat semula jadi kucing liar pasti akan mlarikan diri apabila manusia cuba mendekatinya. Ketidakjelasan akan situasi ini semakin kuat apabila memikirkan akan tempat kucing tersebut muncul. Kucing keemasan ini muncul dari arah jalan lama kemudian memasuki lebuh raya tanpa teragak-agak, seolah-olah sudah terbiasa dengan tempat itu. Namun, mustahil untuk seekor kucing hidup disekitar kawasan lebuh raya tersebut kerana ketiadaan makanan daripada kawasan kampung terdekat. Tambahan pula, realitinya sangat jarang dapat kita dengar akan berita kucing dilanggar kereta di kawasan lebuh raya. Hal ini kerana, tidak kira sama ada kucing tersebut kucing liar mahupun kucing yang dibela, kebanyakannya mereka akan berkeliaran di kawasan perumahan, rumah kedai dan mana-mana tempat yang mempunyai bekalan makanan berterusan. Ketidakjelasan akan kehadiran kucing ini membuatkan Azizah terfikir akan entiti sebenar kucing tersebut sama ada benar-benar kucing atau objek magis lain yang menyerupai kucing.

### Dunia Fenomena

Hakim menghambakan diri kepada ALLAH. Dengan perasaan tulus ikhlas dengan niat bertaubat nasuha, dia mendirikan solat sunat dua rakaat dan dilanjutkan lagi dengan istighfar sehingga bercucuran air matanya. Sesudah itu, dia menyempurnakan solat subuh pula.

(9 Nyawa, 2019: 216)

Pelbagai kejadian aneh menimpa dirinya dalam suatu masa yang sama. Hakim mula menyedari bahawa Allah sudah menetapkan takdir ke atas dirinya dengan sesuatu yang magis dan mungkin tidak akan dipercayai oleh sesetengah individu. Hakim mampu mendengar suara roh, mendengar suara manusia diambang kematian. Oleh sebab kelebihannya itu, dia telah membantu beberapa individu untuk menyelesaikan perkara yang tidak sempat dilaksanakan di dunia nyata. Keadaan itu membuatkan dirinya lebih dekat dengan Allah. Dia meminta ketenangan rohani. Sukar untuk seseorang yang buta seperti itu untuk menerima kelebihan itu. Amanah itu terlalu berat baginya.

Berdasarkan elemen dunia fenomena, konteks aktiviti ibadah yang dilakukan oleh Hakim dalam novel ini adalah untuk memastikan agar unsur-unsur magis seperti Intan Suryani mempunyai sembilan nyawa, kemunculan makhluk magis dan kelebihan mendengar suara roh ini tidak mengaburi unsur realiti masyarakat. Ibadah solat sunat, solat fardhu dan istighfar merupakan antara aktiviti kerohanian yang mendekatkan diri seseorang Muslim dengan Allah. Penerapan aktiviti-aktiviti dunia nyata ini di dalam novel menguatkan kenyataan bahawa seiring dengan pengetahuan unsur magis, unsur realiti juga perlu dipadatkan. Keseimbangan antara kedua-dua unsur ini sekaligus dapat membantu dalam membezakan antara bentuk novel yang benar-benar memaparkan realisme magis atau novel yang berteraskan fiksyen semata-mata.

YA ALLAH... lindungilah anak kesayanganku itu dari sebarang kejahatan dan kecelakaan. Lindungilah buah hatiku itu. Hapuskanlah tahayul mengenai 9 nyawa yang kuperdayai selama ini tanpa iman. Sesungguhnya ENGKAULAH sebaik-baik pelindung, YA ALLAH.

(9 Nyawa, 2019: 356)

Setelah pelbagai kejadian yang menimpa Azizah dan Intan Suryani, Azizah mula sedar akan kenyataan bahawa selama ini dia sudah terlalu lama hanyut dalam godaan dunia. Azizah lebih fokus akan perniagaan kedai emas dan berliannya sehingga Azizah sendiri lupa akan masa solat fardhu terakhir yang didirikannya. Dr. David Chu merupakan sokongan terbesar Azizah

dalam mengubah gaya hidupnya sebagai seorang muslim. Dr. David Chu yang sudah lama memasuki agama Islam, mengajak Azizah untuk menunaikan ibadah umrah bagi menyucikan hati dan dirinya dari segala kepercayaan selain Allah yang dipegangnya dahulu. Azizah menerima pelawaan tersebut dengan hati yang terbuka. Sebelum berangkat ke tanah suci, Azizah juga sudah banyak memperbaiki diri sebagai persediaan untuk ke rumah Allah.

Petikan di atas merupakan doa Azizah semasa dia berada di depan Kaabah. Situasi berdoa dan amalan menunaikan ibadah umrah merupakan salah satu cara penulis untuk mengekalkan elemen dunia fenomena ini. Doa Azizah supaya dirinya tidak lagi terikat dengan kepercayaan mitos sembilan nyawa menyedarkan pembaca bahawa meskipun novel ini menekankan unsur realisme magis sebagai tunjang utama, namun unsur realiti juga perlu dititik beratkan. Doa yang dibacakan oleh Azizah membuktikan bahawa kepercayaan elemen magis yang dipegangnya selama ini adalah bercanggah dengan ajaran Islam. Realitinya, menurut hukum dalam agama Islam, hanya Allah sahaja yang berhak disembah dan perbuatan menyekutukan Allah adalah berdosa besar. Penerapan situasi berdoa yang diketengahkan penulis sedikit sebanyak menyampaikan hakikat tentang keseiringan unsur magis dan unsur realiti dalam kehidupan manusia namun amalan realiti inilah yang akan membataskan unsur magis daripada digunakan secara berlebihan dalam penghasilan sesebuah novel. Begitu juga dengan doa Azizah agar anaknya, Intan Suryani selamat dalam lindungan Allah. Realiti menyedarkan Azizah bahawa dia tidak sepautnya bergantung kepada mitos sembilan nyawa bagi memastikan keselamatan anaknyadan sebenarnya hanya Allah yang mampu menjaga Intan Suryani.

Hakim tertarik. Nama Adolf Hitler dan puak Nazi terlintas difikiran, sinonim dengan Jerman. Teringat cerita Combat masa kecil dahulu. Dalam cerita itu, tentera Amerika adalah hero, manakala Jerman di pihak yang jahat.

(9 Nyawa, 2019: 153)

Hakim asyik bercerita dengan Dr. Sipon mengenai sejarah peperangan yang berlaku pada suatu ketika dahulu. Perbualan mengenai catatan sejarah ini adalah selingan daripada topik utama perbualan antara mereka, iaitu tentang keadaan Hakim yang sentiasa bermimpi sesuatu yang anehdan mendengar suara-suara ghaib. Sesekali peperangan yang terjadi di Palestin juga turut diperkatakan. Perbincangan tersebut sangat bermanfaat dengan pertukaran pandangan dan persoalan antara mereka. Hakim terlintas akan filem yang pernah ditontonnya dahulu mengenai pihak Amerika dan pihak Jerman yang sedang bersengketa. Jalan cerita filem tersebut amat berbeza dengan pandanganDr. Sipon. Hal ini kerana menurut filem, Amerika khususnya kaum Yahudi adalah di pihak yang benar namun menurut pembacaan Dr. Sipon, Adolf Hitler yang merupakan ketua puak Nazi padaketika itu juga mempunyai sebab kukuh untuk menegakkan tindakannya membunuh kaum Yahudi secara beramai-ramai. Perspektif Hakim mula terbuka terhadap perkara tersebut apabila memikirkan tentang nasib rakyat Palestin yang sudah lama ditindas dengan kejam oleh puak Yahudi. Hakim juga menyifatkan kaum Yahudi sebagai kaum yang suka memungkiri janji.

Bab demi bab, pembaca dipersembahkan dengan alur cerita yang memuatkan elemen magis, iaitu Intan Suryani mempunyai sembilan nyawa, Hakim yang mampu mendengar suara roh dan kewujudan lembaga hitam dalam kehidupan Intan Suryani. Namun, melalui perbahasan hangat antara Dr. Sipon dan Hakim ini, penulissengaja memuatkan fenomena sejarah antara Yahudi dan Nazi dalam memastikan elemen-elemen magis tersebut tidak menutupi elemen realiti. Penulis ingin menekankan bahawa walaupun novel ini padat dengan elemen magis tetapi elemen realiti juga perlu diseimbangkan. Elemen realiti diketengahkan menerusi peristiwa sejarah “Holokus”, iaitu puak Nazi yang telah melakukan pembunuhan secara beramai-ramai ke atas jutaan penganut Yahudi (Omer Bartov, 2000). Elemen dunia fenomena kemudian dikuatkan lagi dengan penyentuhan mengenai sejarah Palestin yang masih lagi ditindas oleh kaum Yahudi

Israel sehingga kini (Muhammad Saufi Hassan, 2022). Perbincangan tentang fakta-fakta ini jelas membuktikan bahawa Ramlee Awang Murshid berjaya mengaplikasikan elemen dunia fenomena dengan baik.

### Alam yang Bergabung

“*Subhanallah... Dr. Karen!*” selera makan Hakim terbantut. Yang didengari tadi adalah suara ghaib dari alam sebelah. Suara Dr. Karen yang mengalami kesakitan yang teramat sangat. Suara itu seperti angin. Datang menyapa, menghantar isyarat dan kemudian pergi untuk selama-lamanya.

(9 Nyawa, 2019: 406)

Hakim yang sedang menjamu selera bersama adiknya, Shauqi tersentak apabila terdengar suara Dr. Karen. Hakim menjadi gelisah saat menyedari bahawa suara tersebut bukan suara yang biasa namun suara roh Dr. Karen daripada alam ghaib atau alam di ambang kematian. Dr. Karen seperticuba menghantar pesanan kepada Hakim tetapi tidak kesampaian. Keadaan ini pernah berlaku beberapa bulan yang lalu apabila Dr. Karen cuba untuk membunuh diri dengan menelan pil melebihi dos namun sempat diselamatkan. Lebih mengejutkan lagi apabila tidak lama selepas itu, Hakim menerima perkhabaran bahawa Dr. Karen terjatuh dari pangsapuri yang cukup tinggi. Maka, benarlah bahawa suara yang didengarinya semasa makan tadi merupakan suara roh Dr. Karen daripada alam lain.

Elemen alam yang bergabung sangat jelas ditonjolkan dalam novel ini dengan menyatukandua alam yang berbeza, iaitu alam dunia dan alam di ambang kematian atau alam ghaib. Kedua-dua alam ini dihubung kaitkan melalui watak Hakim, seorang lelaki buta yang boleh mendengar bisikan, suara dan rintihan manusia yang sedang koma. Alam dunia merujuk kepada alam realiti yang sedang dijalani dan dihuni manusia kini manakala alam di ambang kematian dianggap sebagai alam yang ghaib atau ringkasnya alam yang tidak dilihat dengan mata kasar manusia. Alam ghaib ini menyerlahkan watak Hakim apabila terdapat individu-individu yang cuba meminta pertolongan Hakim untuk menyampaikan pesanan, wasiat dan menyelesaikan masalah di dunia. Hakim membantu dengan ikhlas dan menganggap kelebihannya sebagai suatu amanah. Sesetengah kelompok manusia dengan pegangan tertentu semenangnya percaya dengan kewujudan alam ghaib ini kerana dalam konteks keagamaan juga memang dinyatakan tentang alam ini. Namun, bagi sesetengah golongan lain pula, alam-alam selain alam realiti adalah rekaansemata-mata. Penulis turut mengembangkan unsur realisme magis, khususnya penggabungan alamini dengan isu-isu yang menggambarkan ketidakpercayaan individu lain terhadap Hakim apabila Hakim mengatakan ahli keluarga mereka yang koma sedang berbicara dengannya.

“*Intan ingat, mama... Intan nampak tubuh sendiri, kaku tak bernyawa. Mama berusaha selamatkan Intan. Mama menekan-nekan dada Intan, beri pernafasan pada Intan.*” Ceritaitu membuatkan wajah Aziah berkerut.

“*Intan... Intan berada di dunia lain.*” kata Intan Suryani. “*Mama tak faham.*” Azizah membetulkan pernafasannya.

“*Intan berada di dunia... di alam orang mati, mama.*” Intan Suryani memberitahu lagi.

(9 Nyawa, 2019: 33)

Intan Suryani dan Azizah bercuti ke Port Dickson bagi meluangkan masa bersama setelah sibuk menguruskan perniagaan emas dan berlian mereka. Namun kejadian yang tidak diingini berlaku apabila Intan Suryani pengsan akibat masalah jantung yang dialaminya. Intan tidak sedarkan diri untuk suatu jangka masa yang lama. Azizah pada ketika itu yang masih mempercayai

mitos sembilan nyawa sudah mula gelisah kerana jumlah nyawa Intan Suryani semakin berkurang. Dr. David Chu mencuba sedaya upaya meneyelamatkan Intan Suryani namun semuanya bergantung kepada Intan Suryani untuk berjuang melawan penyakitnya.

Perbualan antara Intan Suryani dan Azizah di atas berlaku setelah Intan Suryani sedar daripada komanya. Pengalaman yang dialami Intan Suryani semasa koma dikategorikan sebagai penggabungan dua alam kerana Intan sudah berada dalam alam orang mati akibat jantungnya yang berhenti berdegup tetapi pada masa yang sama Intan juga masih dapat melihat keadaan dunia realiti, iaitu situasi ibunya sedang melakukan tekanan pada bahagian dadanya supaya Intan kembali bernafas. Azizah terkejut kerana Intan Suryani sudah tidak bernyawa ketika dia cuba menyelamatkannya tetapi sangat aneh apabila memikirkan Intan tahu akan keadaan sebenar yang berlaku pada ketika itu. Azizah juga tidak pernah menceritakan hal tersebut kepada sesiapa. Penggabungan dua alam antara alam kematian dan alam dunia adalah sesuatu yang tidak mustahil untuk berlaku dalam kepercayaan umat Islam kerana Allah yang berkuasa atas sesuatu perkara. Jika Allah mengkehendaki sesuatu perkara yang di luar logik akal untuk berlaku, maka perkara tersebut tetap akan berlaku. Hal ini yang cuba disampaikan oleh Ramlee Awang Murshid sebagai seorang penulis dan juga sebagai seorang muslim. Penulisannya menekankan penggabungan dua alam merupakan suatu elemen yang sangat penting dalam menonjolkan unsur realisme magis.

## KESIMPULAN

Tujuan penulisan ilmiah dijalankan adalah bagi menjawab permasalahan-permasalahan yang timbul sekaligus mencapai objektif yang telah dikemukakan. Makalah ini telah berjaya membincangkan ketiga-tiga objektif tersebut melalui perbincangan di bahagian penganalisisan data. Objektif pertama terjawab apabila pembacaan terhadap keseluruhan novel mendapati Ramlee Awang Murshid sememangnya menggarapkan realisme magis dalam penceritaan novel *9Nyawa*. Hal ini ditegaskan dengan penyentuhan unsur realisme magis secara umum dalam bahagian sinopsis dan mukadimah novel. Malah pada bab satu sehingga bab lima sahaja sudah cukup untuk membuktikan bahawa novel ini padat dengan unsur realisme magis. Antara ayat yang mengekspresikan realisme magis secara umum adalah ‘Dia bisa mendengar suara mereka yang berada di sempadan, antara hidup dan mati’ dan ‘Mujurlah duniaku gelap gelita. Kalau tidak, sudahpasti aku tidak sanggup melihat ‘mereka’ berkeliaran dalam bentuk yang sukar diterima akal.’ Seterusnya, objektif kedua dilaksanakan dengan mengkategorikan setiap data diperoleh mengikut tiga elemen realisme magis Wendy B. Faris seperti yang difokuskan oleh pengkaji. Pengkaji mendapati ketiga-tiga elemen tersebut, iaitu elemen yang tidak boleh dijelaskan, dunia fenomenadan alam yang bergabung sememangnya diketengahkan dengan baik oleh penulis dengan penyusunan peristiwa dengan jelas, terperinci dan secara langsung tanpa kiasan.

Objektif yang terakhir adalah untuk melihat kesesuaian gandingan realisme dan magis dalam karya-karya penulis tempatan dan keseiringannya dengan gaya hidup masyarakat, dapatlah dibuktikan melalui langkah pertama RAM. Ini dapat dilihat dengan memperkenalkan dahulu mitos yang sering berlegar-legar dalam pemikiran masyarakat Melayu, iaitu kucing memiliki sembilan

nyawa. Mitos ini sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat kerana kejadian realiti yang menunjukkan kucing adalah haiwan yang sukar mati. Misalnya, kucing masih lagi hidup meskipun sudah tergelincir jatuh daripada tingkat yang tinggi. Rentetan daripada mitos tersebut, RAM cuba mengembangkan lagi plot dengan penerapan unsur magis ke dalam kehidupan manusia. Maka, wujudlah watak Azizah yang mempercayai anaknya, Intan Suryani memiliki sembilan nyawa seperti kucing. Unsur magis ini dikuatkan lagi dengan magis lain, iaitu seorang lelaki buta yang mampu mendengar suara-suara roh di alam lain. Realitinya, wujud individu-individu yang mempunyai keistimewaan ini atau lebih dikenali dengan gelaran ‘kasyaf’. Magis dan realiti dalam novel ini digandingkan dengan cukup baik kerana setiap peristiwa yang diceritakan dalam novel adalah tidak mustahil untuk turut berlaku di dunia realiti.

Kesimpulannya, ketiga-tiga objektif yang dikemukakan oleh pengkaji berjaya dicapai melalui perbincangan data yang menyeluruh. Penganalisisan kajian juga dapat dilakukan dengan baik menerusi kepenggarangan Ramlee Awang Murshid yang berjaya menyentuh elemen-elemen realisme magis secara meluas. Selain itu, kajian lanjutan boleh dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji akan datang dengan menyentuh novel-novel moden daripada penulis lain berdasarkan elemen realisme secara menyeluruh atau memfokuskan aspek tertentu seperti kepercayaan, kebudayaan atau keagamaan.

## RUJUKAN

- Asmiaty Amat & Roziah Adama. (2021). Dunia Hampir Bergabung dalam *Kumpulan Cerpen Laron* Oleh Jasni Matlani: Satu Bacaan Realisme Magis. *Akademika*, 9(1): 15-23.
- Astro Awani. 2017. Tombiruo: Penunggu Rimba Kutip RM8 Juta, Jadi Filem Kedua Terlaris. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/tombiruo-penunggu-rimba-kutip-rm8-jutajadifilem-kedua-terlaris-2017-160483> [19 September 2022]
- Franz Roh. 1925. *After Expressionism: Magical Realism: Problem of The Newest European Painting*. Leipzig: Klinkhardt & Biermann.
- Hashim Awang. 1987. *Glosari Mini Kesusasteraan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Kamus Dewan. 2015. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maggie Ann Bowers. 2004. *Magic(al) Realism*. Routledge: England.
- Iman Danial Hakim. 2018. Citra Realisme Magis dalam Hujan Pagi. <https://selangorkini.my/2018/04/citra-realisme-magis-dalam-hujan-pagi/> [19 September 2022]
- Junhairi Alyasa. 2019. Dua Penulis Grup Buku Karangkraf Terima Anugerah Buku Negara. <https://www.sinarharian.com.my/article/21406/berita/nasional/dua-penulis-grup-buku-karangkraf-terima-anugerah-buku-negara-2019> [19 September 2022]
- Mas Rynna Wati Ahmad. 2017. Communicating Culture Through Magical Realism Perspectives On Selected Malaysian Short Stories. *Geografia*, 12 (11): 187-199.
- Md Hasri B Rajali. 2012. Keunikan dan Keistimewaan Kesusasteraan. Kertas Kerja, Sidang Akademik 2012/2013, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Muhammad Saufi Hassan. 2022. Memahami Muslihat Rejim Zionis. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/04/835348/memahami-muslihat-rejim-zionis> [19 September 2022]
- Omer Bartov. 2000. *The Holocaust: Origins, Implementation, Aftermath*. London: Routledge.
- Ramlee Awang Murshid. 2019. *9 Nyawa*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf.

- Rika Patikasari. 2018. Magical Realism in Jonathan Stroud's Novel "The Screaming Staircase in Serial Lockwood and Co". Unpublished Master's Degree thesis, Alauddin State Islamic University Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia.
- Roziah Adama & Asmiaty Amat. 2018. Elemen Realisme Magis yang Tidak Dapat Dijelaskan (The Irreducible Element) dalam *Kumpulan Cerpen Laron* (2010) oleh Jasni Matlani. *Gendang Alam*, 8: 113-131.
- Wendy B. Faris. 2004. *Ordinary Enchantments: Magical Realism and The Remystification of Narrative*. Tennessee: Vanderbilt University Press.

**Biodata Penulis:**

**Maryam Nabilah Alias** merupakan pelajar peringkat Sarjana Kesusastraan Melayu dari Pusat Kajian, Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Mas Rynna Wati Ahmad** (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian, Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah teori, falsafah dan kritikan sastera.